

KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI  
POLITEKNIK JELI KELANTAN

# DOKUMEN SEBUTHARGA

---

PROJEK : SEBUT HARGA KERJA MENAIK TARAF,  
MENYELENGGARA, MEMBAIKI  
RAINSHELTER JABATAN  
AGROTEKNOLOGI DAN BIO-INDUSTRI  
SERTA KERJA-KERJA BERKAITAN DI  
POLITEKNIK JELI KELANTAN.

NO. : PJK(S)-SH-04-2024  
SEBUTHARGA

PENGARAH,  
POLITEKNIK JELI  
JALAN RAYA TIMUR-BARAT

## **KANDUNGAN**

<b>ITEM</b>	<b>PERKARA</b>	<b>MUKA SURAT</b>
1.	SENARAI SEMAKAN	3
2.	ARAHAN KEPADA PENYEBUTHARGA	5
3.	SYARAT-SYARAT SEBUTHARGA	8
4.	BORANG SEBUTHARGA	14
5.	SURAT AKUAN PEMBIDA	15
6.	JADUAL SEBUTHARGA	16
7.	LAMPIRAN	28

**SENARAI SEMAKAN  
(BEKALAN/PERKHIDMATAN/KERJA)**

Sila tandakan  Bagi Dokumen-dokumen Yang Disertakan.

Bil.	Perkara/Dokumen	Untuk Ditanda Oleh Syarikat	Untuk Ditanda Oleh Jawatankuasa Pembuka Sebut Harga
1.	Salinan Sijil Pendaftaran Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
2.	Salinan Perakuan Pendaftaran Kontraktor Dari CIDB (Kerja) - PPK	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
3.	Salinan Sijil Perolehan Kerja Kerajaan Dari CIDB (Kerja) - SPKK	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
4.	Salinan Sijil Taraf Bumiputera Dari Pusat Khidmat Kontraktor (Kerja) - STB	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
5.	Borang Sebut Harga Telah Diisi Dengan Lengkap (termasuk nilai tawaran dan tempoh siap) dan Ditandatangani	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
6	Surat Akuan Pembida	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
7	Jadual Sebutharga	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
8	Surat Pengakuan Kebenaran Maklumat Dan Keesahan Dokumen Yang Dikemukakan (Lampiran A)	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
9	Maklumat Am Latar Belakang Pentender (Lampiran B)	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
10	Borang Data-Data Kewangan (Lampiran C)	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
11	Rekod Pengalaman Kerja (Lampiran D)	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
12	Senarai Kakitangan Teknikal (jika berkaitan) (Lampiran E)	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
13	Senarai Kerja Kontrak Semasa (Lampiran F)	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>

14	Laporan Keempunyaan Loji (Lampiran G)	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
15	Borang CA (Lampiran H)	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
16	Borang FA (Lampiran I)	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
17	Borang FA1 (Lampiran J)	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
18	Salinan Penyata Bulanan Akaun Bank bagi Tiga (3) Bulan Terakhir (Bulan Disember 2023, Januari 2024 dan Februari 2024)	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
19	Lain-lain Sekiranya Ada.	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>

<b>PENGESAHAN OLEH SYARIKAT</b>	<b>UNTUK KEGUNAAN JABATAN</b>
Dengan ini saya mengesahkan bahawa saya telah membaca dan memahami semua syarat-syarat dan terma yang dinyatakan di dalam dokumen Sebut Harga. Semua maklumat yang dikemukakan adalah benar.	Jawatankuasa Pembuka Sebut Harga mengesahkan penerimaan dokumen bertanda kecuali bagi perkara bil ..... (jika ada).
Tandatangan :	Tandatangan :
Nama :	Nama :
Jawatan :	Jawatan :
Tarikh :	Tarikh :
Cop Kontraktor :	Tandatangan :
	Nama :
	Jawatan :
	Tarikh :

## **ARAHAN KEPADA PENYEBUT HARGA**

### **1. HAK POLITEKNIK JELI KELANTAN (PJK) UNTUK MENERIMA / MENOLAK SEBUTHARGA**

Politeknik Jeli Kelantan (PJK) adalah tidak terikat untuk menerima Sebutharga yang terendah atau mana-mana Sebutharga atau memberi apa-apa sebab di atas penolakan sesuatu Sebutharga. Keputusan Jawatankuasa Sebutharga adalah muktamad.

### **2. CARA-CARA MELENGKAPKAN DOKUMEN SEBUTHARGA**

#### **2.1. Penyediaan Sebutharga**

Penyebut Harga adalah dikehendaki mengisi segala maklumat berikut dengan sepenuhnya:-

- 2.1.1 Harga dan tandatangan Penyebut Harga di Ringkasan Sebutharga,
- 2.1.2 Harga, tempoh dan tandatangan dalam Borang Sebutharga,
- 2.1.3 Senarai Kerja Dalam Tangan,
- 2.1.4 Senarai Pengalaman Kerja,
- 2.1.5 Jadual Kadar Harga (Jika ada),
- 2.1.6 Butir-butir Spesifikasi (Jika ada),
- 2.1.7 Surat Akuan Pembida,
- 2.1.8 Maklumat kemampuan kewangan dalam bentuk Penyata Bank yang disahkan oleh Pegawai yang diberi kuasa oleh bank berkenaan untuk 3 bulan yang terakhir (bagi Bulan Disember 2023, Bulan Januari 2024 dan Bulan Februari 2024), Deposit Tetap, Baki Nilai kemudahan Kredit dan Kemudahan Kredit yang layak / akan diperolehi oleh Penyebut Harga daripada Institusi Kewangan.
- 2.1.9 Jika berlaku kesilapan dalam mengisi maklumat-maklumat di atas Penyebut Harga hendaklah menandatangani ringkas semua pembetulan.
- 2.1.10 Kegagalan mengisi / menandatangani Borang Sebutharga akan mengakibatkan Sebutharga ditolak.
- 2.1.11 Sekiranya terdapat percanggahan di antara maklumat yang dinyatakan dalam Ringkasan Sebutharga dan Borang Sebutharga, maklumat di dalam Borang Sebutharga diberi keutamaan.
- 2.1.12 Sekiranya Penyebut Harga didapati memberikan maklumat palsu atau sengaja menyorok atau tidak memberikan mana-mana maklumat yang memberikan kesan negatif terhadap keupayaannya, Sebuthanganya akan ditolak dan tindakan tatatertib akan diperakuan terhadapnya.

### **3. ‘INTEGRITY PACT’**

- 3.1 Penyebut Harga wajib mengemukakan Surat Akuan Pembida seperti di lampiran bersama-sama dengan Dokumen Sebutharga di mana ia berwaad untuk tidak akan menawarkan atau memberi rasuah kepada mana-mana individu lain sebagai sogokan untuk dipilih dalam tawaran ini. Wakil syarikat yang menandatangani Surat Akuan Pembida hendaklah juga melampirkan Surat Perwakilan Kuasa menandatangani bagi pihak Syarikat.
- 3.2 Surat Akuan Pembida tersebut adalah menjadi salah satu dokumen wajib dalam penilaian Sebutharga. Sekiranya Penyebut Harga gagal mengemukakan Surat Akuan tersebut, Penyebut Harga akan dinilai sebagai gagal dalam penilaian Sebutharga.
- 3.3 Penyebut Harga yang berjaya wajib mengemukakan **Surat Akuan Pembida Berjaya** seperti di lampiran beserta dengan \*Surat Setuju Terima / Borang Perjanjian Inden Kerja yang telah ditandatangani di mana ia berwaad tidak akan memberi rasuah sebagai ganjaran kerana mendapatkan kontrak. Wakil Syarikat yang menandatangani Surat Akuan Pembida Berjaya hendaklah juga melampirkan Surat Perwakilan Kuasa menandatangani bagi pihak syarikat. Surat Akuan ini akan menjadi sebahagian daripada Dokumen Kontrak.

### **4. PENYERAHAN DOKUMEN SEBUTHARGA**

- 4.1 Dokumen Sebut Harga dalam bentuk *hardcopy* yang telah diisi dengan lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri yang dicatatkan dengan Bilangan Sebut Harga **PJK(S)-SH-04-2024** serta Tajuk Sebutharga. Dokumen tersebut hendaklah dimasukkan ke dalam peti Sebut Harga pada atau sebelum masa **16 April 2024, pada atau sebelum jam 12.00 tengahari di Tingkat 1, Bahagian Khidmat Pengurusan, Politeknik Jeli Kelantan, Jalan Raya Timur Barat, 17600 Jeli, Kelantan.**
- 4.2 Jika Dokumen Sebutharga tidak diserahkan dengan tangan, Penyebut Harga hendaklah menghantar Dokumen tersebut dengan pos berdaftar supaya tiba pada atau sebelum masa dan di tempat yang ditetapkan.
- 4.3 Sebutharga yang diserahkan selepas masa yang ditetapkan, atas sebarang sebab, tidak akan dipertimbangkan.

### **5. PENJELASAN LANJUT**

Sekiranya terdapat maklumat dalam Dokumen Sebut Harga yang tidak jelas atau bercanggah, Penyebut Harga boleh menghubungi pejabat ini untuk penjelasan lanjut.

### **6. TEMPOH SIAP KERJA**

Kerja ini hendaklah disiapkan dalam tempoh tidak melebihi **16 minggu**. Mana-mana Penyebut Harga yang menawarkan tempoh siap kerja melebihi tempoh siap kerja maksimum yang ditetapkan tidak akan dipertimbangkan.

### **7. PERBELANJAAN PENYEDIAAN DOKUMEN SEBUTHARGA**

Semua perbelanjaan bagi penyediaan Sebutharga ini hendaklah ditanggung sepenuhnya oleh Penyebut Harga sendiri.

## **8. TEMPOH SAH LAKU SEBUTHARGA**

Sebut Harga ini sah selama 90 hari dari tarikh tutup Sebut Harga. Penyebut Harga tidak boleh menarik balik Sebut Harganya sebelum tamat tempoh sah Sebut Harga. Laporan mengenai penarikan balik Sebutharga oleh Penyebut Harga akan dikemukakan kepada CIDB/BPKU untuk tindakan.

## **9. PERINGATAN MENGENAI KESALAHAN RASUAH**

Semua Penyebut Harga adalah diingatkan supaya tidak terlibat dalam aktiviti jenayah rasuah berkaitan dengan perolehan ini. Sehubungan dengan itu para Penyebut Harga diberi peringatan seperti berikut;

- 9.1 Sebarang perbuatan atau percubaan rasuah untuk menawar atau memberi, meminta atau menerima apa-apa suapan secara rasuah kepada dan daripada mana-mana orang berkaitan perolehan ini merupakan suatu kesalahan jenayah di bawah Akta Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694).
- 9.2 Sekiranya mana-mana pihak ada menawar atau memberi apa-apa suapan kepada mana-mana anggota perkhidmatan awam, maka pihak yang ditawar atau diberi suapan dikehendaki membuat aduan dengan segera ke pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) atau di balai polis yang berhampiran. Kegagalan berbuat demikian adalah merupakan satu kesalahan di bawah Akta Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694).
- 9.3 Tanpa prejudis kepada tindakan-tindakan lain, tindakan tatatertib terhadap anggota perkhidmatan awam dan menyenaraikan Penyebut Harga boleh diambil sekiranya pihak-pihak terlibat dengan kesalahan rasuah di bawah Akta Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694).
- 9.4 Mana-mana Penyebut Harga yang membuat tuntutan bayaran berkaitan perolehan ini walaupun tiada kerja dibuat mengikut spesifikasi yang ditetapkan dan mana-mana anggota perkhidmatan awam yang mengesahkan tuntutan berkenaan adalah melakukan kesalahan di bawah Akta Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694).

## **10. LAPORAN BERGAMBAR**

10.1 Penyebut Harga hendaklah menyediakan laporan bergambar yang mengandungi gambar berwarna dalam bentuk softcopy dan hardcopy sebelum, semasa dan selepas kerja siap (sebanyak 2 salinan) sebagaimana arahan Pegawai Penguasa.

## **11. DENDA**

Sekiranya Penyebut Harga gagal melaksanakan kerja dalam tempoh yang ditetapkan atau dalam tempoh lanjutan yang dipersetujui bersama di antara Kerajaan dan Penyebut Harga, maka Penyebut Harga dikehendaki membayar denda dalam tempoh tiga puluh (30) hari setelah menerima notis denda daripada Kerajaan. Kadar denda ini ialah satu peratus (1%) daripada Nilai Sebut Harga untuk setiap minggu kelewatan dan tidak melebihi dua belas peratus (12%) daripada Nilai Sebutharga.

## **SYARAT-SYARAT SEBUTHARGA UNTUK KERJA**

### **1. PEMERIKSAAN TAPAK BINA**

Penyebut Harga adalah dinasihatkan untuk memeriksa dan meneliti Tapak bina dan sekitarnya, bentuk dan jenis Tapak bina, takat dan jenis kerja, bahan dan barang yang perlu bagi menyiapkan Kerja, cara-cara perhubungan dan laluan masuk ke Tapak bina dan hendaklah mendapatkan sendiri segala maklumat yang perlu tentang risiko, luar jangkaan dan segala hal-kedaan yang mempengaruhi dan menjelas Sebutharganya. Sebarang tuntutan yang timbul akibat daripada kegagalan Penyebut Harga mematuhi kehendak ini tidak akan dipertimbangkan.

### **2. RINGKASAN SEBUTHARGA**

- 2.1 Ringkasan sebutharga hendaklah menjadi sebahagian daripada Borang Sebutharga ini dan hendaklah menjadi asas Jumlah Harga Sebutharga.
- 2.2 Harga-harga dalam Ringkasan Sebutharga hendaklah mengambil kira semua kos termasuk kos pengangkutan, cukai, duti, levi, bayaran dan caj-caj lain yang perlu dan berkaitan bagi penyiapan Kerja dengan sempurnanya.
- 2.3 Tiada sebarang tuntutan akan dilayan bagi pelarasan harga akibat daripada perubahan kos buruh, bahan-bahan dan semua duti dan cukai Kerajaan, sama ada dalam tempoh sah Sebutharga atau dalam Tempoh Kerja.
- 2.4 Harga-harga dalam Ringkasan Sebutharga yang dikemukakan oleh Penyebut Harga hendaklah tertakluk kepada persetujuan sebelumnya daripada Pegawai Inden tentang kemunasabahannya. Persetujuan sebelumnya itu dan apa-apa pelarasan kemudiannya kepada harga-harga dalam Ringkasan Sebutharga (jika perlu) hendaklah dibuat sebelum Inden Kerja dikeluarkan.
- 2.5 Apa-apa pelarasan harga dalam Ringkasan Sebutharga dan apa-apa kesilapan perkiraan dalam Ringkasan Sebutharga hendaklah dilaras dan diperbetulkan sebelum Inden Kerja dikeluarkan. Jumlah amaun yang dilaraskan hendaklah sama dengan amaun jumlah harga pukal dalam Borang Sebutharga. Amaun jumlah harga pukal dalam Borang Sebutharga hendaklah tetap tidak berubah.

### **3. BON PERLAKSANAAN, PERKESO DAN POLISI INSURANS**

- 3.1 Penyebut Harga hendaklah mengemukakan ~~Bon Perlaksanaan sebanyak 5% daripada nilai Sebutharga dalam bentuk Jaminan Bank, Jaminan Syarikat Kewangan, Jaminan Takaful~~. Sekiranya Penyebut Harga tidak mengemukakan Bon Pelaksanaan dalam bentuk Jaminan Bank atau Insurans, kaedah Wang Jaminan Pelaksanaan (WJP) hendaklah diguna pakai seperti mana ditetapkan dalam peraturan mengenai tatacara pengurusan tender yang berkuatkuasa.
- 3.2 Penyebut Harga hendaklah atas nama bersama Kerajaan dan Penyebut Harga mengambil Insuran Liabiliti Awam dengan nilai minimum **RM25,000.00** bagi setiap kemalangan bagi tempoh pelaksanaan Kerja termasuk tempoh kecacatan dan ditambah tiga (3) bulan dan

empat belas (14) hari dan Insurans Kerja (sekiranya dinyatakan di dalam Butir-butir Ringkasan Sebutharga) bagi tempoh pelaksanaan Kerja ini. Penyebut Harga hendaklah juga mengemukakan Nombor Kod Pendaftaran dengan PERKESO.

### **PANDUAN LIPUTAN**

Panduan bagi liputan minimum bagi insurans liability awam yang perlu diinsuranskan berdasarkan nilai Sebut Harga bagi kerja yang mempunyai risiko yang dianggap biasa adalah seperti berikut:

<b>Had Nilai Perolehan (RM)</b>	<b>Liputan minimum bagi setiap kemalangan untuk bilangan kemalangan yang tidak terbatas (RM)</b>
<b>Tidak melebihi 50,000.00</b>	<b>10,000.00</b>
<b>50,001.00 hingga 100,000.00</b>	<b>25,000.00</b>
<b>100,001.00 hingga 200,000.00</b>	<b>50,000.00</b>
<b>200,001.00 hingga 500,000.00</b>	<b>100,000.00</b>

- 3.2.1 Bagi kerja yang mempunyai risiko yang luarbiasa seperti risiko pada bangunan sedia ada yang bersebelahan, liputan insurans di atas wajar digandakan.
- 3.3 Penyebut Harga hendaklah mengemukakan kepada Pegawai Inden semua Polisi Insurans dan Nombor Kod Pendaftaran dengan PERKESO yang tersebut di atas sebelum memulakan Kerja. Bagaimana pun untuk tujuan memulakan Kerja sahaja Nota-nota Perlindungan dan resit-resit bayaran premium adalah mencukupi.

## **4. BAYARAN PENDAHULUAN**

- 4.1 Penyebut Harga boleh memohon Bayaran Pendahuluan sebanyak 25% atau RM100,000.00 yang mana lebih rendah jika memenuhi kesemua syarat berikut:
- 4.1.1 Kerja yang dilaksanakan bernilai melebihi RM200,000.00 sehingga RM500,000.00
- 4.1.2 Tempoh siap kerja tidak kurang dari 3 bulan.
- 4.1.3 Permohonan daripada Penyebut Harga diterima dalam tempoh satu (1) bulan dari tarikh Inden Kerja dikeluarkan.
- 4.1.4 Polisi Insurans telah dikemukakan oleh Penyebut Harga.
- 4.1.5 Satu jaminan terhadap Bayaran Pendahuluan dikemukakan oleh Penyebut Harga sama ada dalam bentuk Jaminan Bank atau Jaminan Syarikat Kewangan atau Jaminan Insurans atau Jaminan Takaful. Nilai jaminan hendaklah sama dengan nilai bayaran pendahuluan yang dimohon.
- 4.1.6 Bayaran balik pendahuluan akan dibuat melalui potongan ke atas bayaran kemajuan mengikut peringkat kerja yang telah disempurnakan dan diselesaikan selewat-lewatnya semasa projek siap pada tahap 75%.

4.1.7 Liabiliti dibawah Jaminan Bayaran Pendahuluan akan tamat apabila Kerajaan mengutip semula jumlah penuh pendahuluan yang telah dibayar. Walau bagaimanapun, jika jumlah penuh pendahuluan yang telah dibayar tidak boleh dicapai sebelum tarikh siap kontrak atau apa-apa pelanjutan yang diberi atau sebelum tarikh penamatkan dalam kes kontrak yang ditamatkan, maka baki pendahuluan yang perlu dibayar balik kepada Kerajaan hendaklah dituntut daripada Jaminan Bayaran Pendahuluan.

## 5. PERATURAN PERLAKSANAAN KERJA

- 5.1 Kerja-kerja yang dilaksanakan hendaklah mematuhi spesifikasi, pelan-pelan, butir-butir kerja dalam Ringkasan Sebutharga dan Syarat-syarat yang dinyatakan dalam Dokumen Sebutharga ini serta arahan Pegawai Inden atau Wakilnya.
- 5.2 Kerja-kerja mekanikal dan elektrik yang dilaksanakan di samping mematuhi kehendak di perenggan 4.1 di atas, hendaklah juga mematuhi semua peraturan dan pekeliling, undang-undang dan undang-undang kecil yang diluluskan oleh Suruhanjaya/Jabatan/Pihak Berkuasa antara lainnya seperti berikut:
  - 5.2.1 Suruhanjaya Tenaga
  - 5.2.2 Jabatan Kesihatan dan Keselamatan Pekerjaan (JKKP)
  - 5.2.3 Pemegang Lesen dan Pihak Berkuasa Bekalan Elektrik
  - 5.2.4 Jabatan Bomba dan Penyelamat
  - 5.2.5 Pihak Berkuasa Tempatan
  - 5.2.6 Suruhanjaya Pengurusan Air Negara (SPAN)

## 6. KEGAGALAN PENYEBUT HARGA MEMULAKAN KERJA

Sekiranya Penyebut Harga gagal memulakan kerja selepas tujuh (7) hari dari tarikh akhir tempoh mula kerja yang dinyatakan dalam Inden Kerja, tanpa sebab-sebab yang munasabah, Inden Kerja akan dibatalkan oleh Pegawai Inden dan tindakan tatatertib akan diambil terhadap Penyebut Harga.

## 7. SUB-SEWA DAN MENYERAH HAK KERJA.

Penyebut Harga tidak dibenarkan mengsub-sewakan Kerja kepada Penyebut Harga-Penyebut Harga lain. Penyebut Harga tidak boleh menyerahak apa-apa faedah di bawah Inden Kerja ini tanpa terlebih dahulu mendapatkan persetujuan bertulis dari Pegawai Inden.

## 8. PENOLAKAN BAHAN, BARANG DAN MUTU HASIL KERJA OLEH PEGAWAI INDEN.

- 8.1 Pegawai Inden atau Wakilnya berhak menolak bahan, barang dan mutu hasil dari jenis piawaian yang tidak menepati seperti diperihalkan dalam Spesifikasi. Bahan, barang dan kerja-kerja yang ditolak hendaklah diganti dan sebarang kos tambahan yang terlibat hendaklah ditanggung oleh Penyebut Harga sendiri.

- 8.2 Penyebut Harga hendaklah dengan sepenuhnya atas perbelanjaan sendiri menyediakan sampel bahan dan barang-barang untuk ujian.
- 8.3 Tiada penggantian untuk peralatan, bahan dan cara kerja yang telah ditentukan di dalam spesifikasi atau ditawarkan dan telah diterima, dibenarkan kecuali mendapat persetujuan daripada Pegawai Inden secara bertulis.

## **9. PERCANGGAHAN DAN KECUKUPAN DOKUMEN SEBUTHARGA**

- 9.1 Borang Perjanjian Inden Kerja, Surat Akuan Pembida Berjaya yang ditandatangani oleh Penyebut Harga dan Dokumen Sebutharga hendaklah disifatkan menjadi dan dibaca serta ditafsirkan sebagai sebahagian daripada Kontrak ini.
- 9.2 Dokumen Sebutharga adalah dikira sebagai saling jelaskan antara satu sama lain. Penyebut Harga hendaklah mengadakan segala yang perlu untuk melaksanakan kerja dengan sewajarnya sehingga siap mengikut tujuan dan maksud sebenar Dokumen Sebutharga pada keseluruhannya sama ada atau tidak tujuan dan itu ada ditunjuk atau diperihalkan secara khusus, dengan syarat bahawa tujuan dan maksud itu boleh difahamkan dengan munasabahnya dari dokumen Sebutharga itu.
- 9.3 Jika Penyebut Harga mendapati apa-apa percanggahan dalam Dokumen Sebutharga, Penyebut Harga hendaklah merujuk kepada Pegawai Inden untuk mendapatkan keputusan.

## **10. KEGAGALAN PENYEBUT HARGA MENyiAPKAN KERJA DAN PENAMATAN PENGAMBILAN KERJA PENYEBUT HARGA**

- 10.1 Pegawai Inden berhak membatalkan Inden Kerja sekiranya Penyebut Harga berada dalam keadaan berikut dan setelah menerima surat amaran daripada Pegawai Inden.
  - 10.1.1 Penyebut Harga masih gagal menyiapkan Kerja dalam tempoh masa yang telah ditetapkan;
  - 10.1.2 Kemajuan Kerja terlalu lembab dimana Penyebut Harga didapati gagal menjalankan kerja dengan tekun dan teratur tanpa apa-apa sebab yang munasabah;
  - 10.1.3 Penggantungan perlaksanaan seluruh atau sebahagian Kerja, tanpa apa-apa sebab yang munasabah;
  - 10.1.4 Tidak mematuhi arahan Pegawai Inden tanpa apa-apa alasan yang munasabah;
- 10.2 Pegawai Inden berhak membatalkan Inden sekiranya Penyebut Harga diisyiharkan bankrap oleh pihak yang sah.
- 10.3 Walau apa pun di atas, sekiranya Kontrak ini ditamatkan di bawah perenggan 10.1 dan 10.2, Bon Pelaksanaan/WJP akan dirampas sepenuhnya.

## **11. BAYARAN KEMAJUAN**

Pegawai Inden dibenarkan membuat bayaran interim sehingga kerja-kerja siap dilaksanakan.

## **12. KERJA PERUBAHAN**

- 12.1 Pegawai Inden boleh menurut budi bicaranya mengeluarkan arahan–arahan yang berkehendakkan sesuatu perubahan kerja dengan secara bertulis. Tiada apa–apa perubahan yang dikeluarkan oleh Pegawai Inden atau yang disahkan kemudian oleh Pegawai Inden boleh membatalkan Sebutharga ini.
- 12.2 Semua kerja perubahan yang diluluskan oleh Pegawai Inden akan diukur atau dinilai dengan menggunakan kadar harga yang ada dalam Senarai Kuantiti/Ringkasan Sebutharga. Jika tidak terdapat sebarang kadar harga yang bersesuaian, kadar harga yang dipersetujui oleh Pegawai Inden dan Penyebut Harga hendaklah digunakan.

## **13. PENGUKURAN KUANTITI SEMENTARA**

Setelah kerja-kerja yang melibatkan Kuantiti Sementara disiapkan di tapak, pengukuran semula kuantiti hendaklah dibuat secara bersama.

## **14. PERAKUAN SIAP KERJA**

Pegawai Inden hendaklah mengeluarkan Perakuan Siap Kerja sebaik sahaja kerja disiapkan sejajar dengan syarat-syarat dalam Dokumen Sebutharga. Tempoh Tanggungan Kecacatan bermula daripada tarikh siap kerja.

## **15. TEMPOH TANGGUNGAN KECACATAN**

- 15.1 Tempoh Tanggungan Kecacatan bagi Sebutharga hendaklah sekurang-kurangnya enam (6) bulan dari tarikh kerja diperakukan siap. Bagi kerja-kerja mekanikal dan elektrikal dimana tempoh waranti ke atas peralatan dan sistem adalah dua belas (12) bulan dan dalam kes-kes tertentu oleh kerana jenis dan kerumitan kerja, tempoh tanggungan kecacatan yang lebih lama daripada enam (6) bulan boleh dikenakan.
- 15.2 Penyebut Harga dipertanggungjawabkan untuk membaiki kecacatan, ketidak sempurnaan, kekecutan atau apa–apa jua kerosakan lain yang mungkin kelihatan dan yang disebabkan oleh bahan atau barang atau mutu hasil kerja yang tidak menepati Sebutharga ini apabila diarahkan oleh Pegawai Inden dan dalam masa yang berpatutan. Penyebut Harga hendaklah membaiki kecacatan, ketidak sempurnaan, kekecutan atau apa–apa jua kerosakan lain atas kos Penyebut Harga sendiri.
- 15.3 Sekiranya Penyebut Harga gagal membaiki kecacatan, ketidak sempurnaan, kekecutan atau apa–apa jua kerosakan lain seperti yang diarahkan, Pegawai Inden berhak memotong kos membaiki dari baki wang yang akan dibayar kepada Penyebut Harga dan termasuk kenaan GST (sekiranya pembaikan dilaksanakan oleh pihak yang dilantik oleh Kerajaan) atau jika baki itu tidak mencukupi, mengeluarkan surat pengesyoran kepada Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB) untuk menggantungkan pendaftaran Penyebut Harga dan menghantar salinan-salinan surat tersebut kepada Bahagian Pembangunan Kontraktor dan Usahawan, Pengarah Kerja Raya Negeri/Ketua Jabatan. Bagi kerja-kerja elektrik/mekanikal, salinan surat hendaklah dihantar kepada Pengarah Kanan Cawangan Kerja Mekanikal.

## **16. PERATURAN MEMBAYAR SELEPAS SIAP**

Bayaran sepenuhnya hanya boleh dibuat setelah Penyebut Harga menyiapkan kerja dengan sempurnanya dan Perakuan Siap Kerja di keluarkan. Walaubagaimanapun, Pegawai Inden boleh membuat potongan atau menahan sejumlah amaun dari wang yang akan dibayar kepada Penyebut Harga sebagai kos untuk membaiki apa-apa kecacatan yang tidak dapat dibaiki oleh Penyebut Harga di dalam tempoh tanggungan kecacatan.

## **17. PERAKUAN SIAP MEMPERBAIKI KECACATAN**

Pegawai Inden hendaklah mengeluarkan Perakuan Siap Membaike Kecacatan sebaik sahaja Penyebut Harga telah membaiki kecacatan, ketidaksempurnaan, kekecutan atau apa-apa juga kerosakan lain.

## **18. PEMATUHAN KEPADA UNDANG-UNDANG OLEH PENYEBUT HARGA**

Penyebut Harga hendaklah mematuhi segala kehendak Undang-undang Kecil dan Undang-undang Berkanun dalam Malaysia semasa pelaksanaan Kerja. Penyebut Harga tidak berhak menuntut sebarang kos dan bayaran tambahan kerana pematuhannya dengan Syarat-syarat ini.

## **19. PENAMATAN BERSABIT RASUAH, AKTIVITI MENYALAHİ UNDANG-UNDANG ATAU AKTIVITI HARAM**

- 19.1 Tanpa menjaskan apa-apa hak Kerajaan yang lain, jika Penyebut Harga, personel, kakitangan atau pekerjanya disabitkan bersalah oleh mahkamah kerana rasuah atau aktiviti menyalahi undang-undang atau aktiviti haram yang berkait dengan Perjanjian/Kontrak ini atau mana-mana perjanjian lain yang Penyebut Harga mungkin ada dengan Kerajaan, Kerajaan berhak untuk menamatkan Perjanjian/Kontrak ini pada bila-bila masa, dengan memberi notis bertulis dengan segera yang membawa maksud sedemikian kepada Penyebut Harga.
- 19.2 Setelah penamatan tersebut, Kerajaan berhak terhadap semua kerugian, kos, ganti rugi dan perbelanjaan (termasuk apa-apa kos dan perbelanjaan sampingan) yang ditanggung oleh Kerajaan yang timbul daripada penamatan tersebut.
- 19.3 Bagi mengelakkan keraguan, kedua-dua pihak Kerajaan dan Penyebut Harga bersetuju bahawa Penyebut Harga tidak layak terhadap sebarang bentuk kerugian termasuk kehilangan keuntungan, ganti rugi, tuntutan atau apa sekalipun setelah penamatan Kontrak ini.

**BORANG SEBUTHARGA  
SEBUTHARGA PJK(S)-SH-04-2024**

Pengarah,  
Politeknik Jeli Kelantan,  
Jalan Raya Timur-Barat,  
17600 Jeli,  
Kelantan.

Tuan,

Sebutharga untuk : **SEBUT HARGA KERJA MENAIK TARAF, MENYELENGGARA, MEMBAIKI  
RAINSHELTER JABATAN AGROTEKNOLOGI DAN BIO-INDUSTRI SERTA KERJA-KERJA  
BERKAITAN DI POLITEKNIK JELI KELANTAN.**

Dibawah dan tertakluk kepada Arahan Kepada Pentender, Syarat-syarat Am Sebut Harga, Spesifikasi Kerja dan Pelan-pelan, saya yang menandatangani di bawah ini adalah dengan ini menawarkan untuk melaksana dan menyiapkan kerja tersebut bagi jumlah wang pukal sebanyak :

Ringgit Malaysia : .....

..... ( RM ..... )

2. Saya bersetuju menyiapkan kerja-kerja ini dalam masa ..... minggu dari tarikh tempoh mula kerja seperti yang ditetapkan di bawah Fasal 2 Borang Inden Kerja.

Bertarikh pada ..... haribulan .....2024

.....  
(Tandatangan Penyebut Harga)

Nama Penuh : .....

No. K/P : .....

Alamat : .....

.....  
(Tandatangan Saksi)

Nama Penuh : .....

No. K/P : .....

Alamat : .....

Atas sifat: .....

.....  
(Meteri atau Cop Penyebut Harga)

Tarikh : .....

## SURAT AKUAN PEMBIDA

Bagi

**SEBUT HARGA KERJA MENAIK TARAF, MENYELENGGARA, MEMBAIKI  
RAINSHELTER JABATAN AGROTEKNOLOGI DAN BIO-INDUSTRI SERTA  
KERJA-KERJA BERKAITAN DI POLITEKNIK JELI KELANTAN.**

**NO. SEBUT HARGA:  
PJK(S)-SH-04-2024**

Saya, \_\_\_\_\_ nombor K.P. \_\_\_\_\_ yang mewakili \_\_\_\_\_ nombor Pendaftaran \_\_\_\_\_ (MOF/PKK/CIDB/ROS/ROC/ROB) dengan ini mengisyiharkan bahawa saya atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini tidak akan menawar atau memberi rasuah kepada mana-mana individu dalam **Politeknik Jeli Kelantan (PJK)** atau mana-mana individu lain, sebagai sogokan untuk dipilih dalam sebutharga seperti di atas. Bersama-sama ini dilampirkan Surat Perwakilan Kuasa bagi saya mewakili syarikat seperti tercatat di atas untuk membuat perisyiharan ini (jika berkaitan).

2. Sekiranya saya atau mana- mana individu yang mewakili syarikat ini didapati bersalah menawar atau memberi rasuah kepada mana-mana individu dalam PJK atau mana- mana individu lain sebagai sogokan untuk dipilih dalam sebutharga seperti di atas, maka saya sebagai wakil syarikat bersetuju tindakan-tindakan berikut diambil :

- 2.1 penarikan balik tawaran kontrak bagi sebutharga di atas; atau
- 2.2 penamatan kontrak bagi sebutharga di atas; dan
- 2.3 lain-lain tindakan tatatertib mengikut Peraturan Perolehan Kerajaan.

3. Sekiranya terdapat mana-mana individu cuba meminta rasuah daripada saya atau mana-mana individu yang berkaitan dengan syarikat ini sebagai sogokan untuk dipilih dalam sebutharga seperti di atas, maka saya berjanji akan dengan segera melaporkan perbuatan tersebut kepada pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) atau balai polis yang berhampiran.

Yang Benar,

.....  
(Tandatangan

Nama :

No. Kad /Pengenalan :

Cop Syarikat :

## JADUAL SEBUTHARGA

Projek: **SEBUT HARGA KERJA MENAIK TARAF, MENYELENGGARA, MEMBAIKI RAINSHELTER JABATAN AGROTEKNOLOGI DAN BIO-INDUSTRI SERTA KERJA-KERJA BERKAITAN DI POLITEKNIK JELI KELANTAN.**

No. Sebutharga : **PJK(S)SH-04-2024**

Nota : Sebarang butiran yang tidak diperhargakan adalah dianggap dimasukkan dalam harga butiran-butiran lain. Penyebut Harga adalah dianggap telah melawat tapak bina dan membaca syarat-syarat sebutharga bersama-sama dengan pelan-pelan dan spesifikasi untuk memastikan sendiri liputan kerja yang terlibat sebelum menghargakan sebutharga kerana sebarang tuntutan bayaran tambahan berhubung dengan perkara di atas tidak akan dipertimbangkan.

### **BIL 1: KERJA-KERJA PERMULAAN**

BIL	BUTIRAN-BUTIRAN KERJA	UNIT	KUANTITI	KADAR (RM)	JUMLAH (RM)
<b>1.0</b>	<b><u>KERJA-KERJA PERMULAAN DAN SYARAT-SYARAT AM</u></b>				
1.1	<p>Menyediakan keperluan-keperluan sebagaimana syarat-syarat Sebutharga.</p> <p>(a) Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 (PERKESO)</p> <p>(b) Insurans Tanggungan Awam</p> <p>(c) Insurans Kerja</p> <p>Nota :</p> <p>1. Sila pastikan lantai berada dalam keadaan yang baik sepertimana yang asal dan tempat kerja berada dalam keadaan yang bersih sebelum projek diserahkan kepada pihak PJK.</p> <p>2. Harga adalah termasuk kos upah buruh, kos bahan, kos sewa peralatan dan jentera (jika perlu) dan segala kos yang berkaitan.</p> <p>3. Segala bahan atau peralatan (perlu kelulusan SIRIM) yang hendak digunakan semasa pembinaan perlu dihantar sampel / katalog untuk mendapat kelulusan daripada Pegawai Pengguna.</p>	Pukal			
<b>JUMLAH DIBAWA KE RINGKASAN SEBUT HARGA</b>					

**BIL 2: PENYELENGGARAAN RAINSHELTER ZON 1**

BIL	BUTIRAN-BUTIRAN KERJA	UNIT	KUANTITI	KADAR (RM)	JUMLAH (RM)
2.0	<b><u>PENYELENGGARAAN RAINSHELTER ZON 1</u></b>				
2.1	<b><u>Kerja-kerja Naiktaraf Plastik Pelindung Hujan</u></b>				
2.1.1	<p>Kerja-kerja membekal bahan dan menggunakan khidmat buruh mahir bagi memasang plastik pelindung hujan rainshelter menggunakan material jenis <i>Polyethylene UV Resistant Plastic, 150 micron, 3% UV, 10-15% sunblock</i> serta kerja-kerja lain yang berkaitan sebagaimana arahan Pegawai Penguasa. Plastik pelindung hujan bagi yang sedia ada hendaklah dilucut dan dibuang keluar daripada kawasan mengikut arahan Pegawai Penguasa.</p> <p>(Ukuran per bay: 30m panjang x 7.3m lebar)  (Bilangan: 5 unit)  *Rujuk Lampiran 1</p>	m <sup>2</sup>	1095		
2.2	<b><u>Kerja-kerja Naiktaraf Jaring Serangga (Netting)</u></b>				
2.2.1	Kerja-kerja membuka serta membuang jaring serangga lama dan mengeluarkan bahan dari tapak bina seperti yang diarahkan oleh Pegawai Penguasa .	m <sup>2</sup>	433		
2.2.2	<p>Kerja-kerja membekal dan memasang jaring serangga bersaiz 32 mesh (warna putih) beserta kerja-kerja berkaitan dan mengikut arahan Pegawai Penguasa.</p> <p>*Rujuk Lampiran 2</p>	m <sup>2</sup>	433		
<b>JUMLAH DIBAWA KE MUKA SURAT 18</b>					

**BIL 2: PENYELENGGARAAN RAINSHELTER ZON 1(Sambungan)**

BIL	BUTIRAN-BUTIRAN KERJA	UNIT	KUANTITI	KADAR (RM)	JUMLAH (RM)
2.3	<p><b><u>JUMLAH DIBAWA DARI MUKA SURAT 17</u></b></p> <p><b><u>Kerja-kerja Naiktaraf Sistem Pengairan</u></b></p> <p>2.3.1 Kerja-kerja membuka serta membuang sistem pengairan yang sedia ada dan mengeluarkan bahan dari tapak bina seperti yang diarahkan oleh Pegawai Penguasa .</p> <p>2.3.2 Kerja-kerja membekal dan memasang sistem pengairan beserta kerja-kerja berkaitan sebagaimana arahan Pegawai Penguasa. Butiran kerja seperti berikut: *Rujuk Lampiran 3</p> <p>a. <u>Kerja-kerja membekal dan memasang tangki air</u> Kerja-kerja membekal dan memasang tangki air (HDPE Poly Water Tank 600 gelen) serta komponen yang berkaitan di tapak projek seperti yang dipersetujui oleh Pegawai Penguasa.</p> <p>b. <u>Kerja-kerja membekal dan memasang Sistem Sedutan (Suction)</u> Kerja-kerja membekal dan memasang komponen paip di bahagian sedutan pam air beserta kerja-kerja berkaitan sebagaimana arahan Pegawai Penguasa berkenaan seperti:-</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Paip PVC 25mm PN10 SIRIM pada diameter penghantaran pam bersambung dengan High Grade PVC Suction Hose Pipe (jika perlu)</li> <li>ii. Memasang valve (2 unit)</li> <li>iii. Membekal dan memasang tiang sokongan dan komponen-komponen lain jika perlu *Rujuk Gambar 1</li> </ul>	Pukal  unit  set	  4  2		
<b><u>JUMLAH DIBAWA KE MUKA SURAT 19</u></b>					

**BIL 2: PENYELENGGARAAN RAINSHELTER ZON 1(Sambungan)**

BIL	BUTIRAN-BUTIRAN KERJA	UNIT	KUANTITI	KADAR (RM)	JUMLAH (RM)
	<p><b><u>JUMLAH DIBAWA DARI MUKA SURAT 18</u></b></p> <p>c. Kerja-kerja membekal dan memasang Sistem Penghantaran (Delivery)  Kerja-kerja membekal dan memasang komponen paip dibahagian penghantaran pada pam beserta kerja-kerja berkaitan sebagaimana arahan Pegawai Pengguna seperti:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Paip Jenis PVC 50mm PN10 SIRIM pada diameter penghantaran pam</li> <li>ii. Ball valve PVC dengan spesifikasi 50mm sebanyak 6 unit</li> <li>iii. Disc Filter dengan spesifikasi mesh 130mm sebanyak 2 unit</li> <li>iv. Lengkap dengan fitting pressure relief valve (2 unit) mengikut spesifikasi yang ditetapkan</li> <li>v. Pam air 2HP single phase (1 unit)</li> <li>vi. Membekal dan memasang tiang sokongan dan komponen-komponen lain jika perlu</li> </ul> <p>*Rujuk Gambar 1</p> <p>d. Kerja-kerja membekal dan memasang paip utama (Main Pipe)  Kerja-kerja membekal, memasang, menyambung dan menguji paip utama HDPE 63mm PN10 SIRIM seperti yang dipersetujui oleh Pegawai Pengguna lengkap dengan penyambungan yang bersesuaian seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Ball valve and adaptor 63mm</li> <li>ii. Tee Connector 63mm</li> <li>iii. Elbow Bend 63mm</li> <li>iv. saddle clamp 63mm</li> <li>v. Spesifikasi paip memenuhi piawaian SIRIM</li> <li>vi. Membekal dan memasang sokongan dan komponen-komponen lain jika perlu</li> </ul> <p>*Rujuk Gambar 1 &amp; 2</p>	set	2		
	<b>JUMLAH DIBAWA KE MUKA SURAT 20</b>				

**BIL 2: PENYELENGGARAAN RAINSHELTER ZON 1(Sambungan)**

BIL	BUTIRAN-BUTIRAN KERJA	UNIT	KUANTITI	KADAR (RM)	JUMLAH (RM)
